

26/05/2003

Malik lakar sejarah berenang ke Langkawi

LANGKAWI: Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin, melakar sejarah menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya berenang merentasi Selat Melaka sejauh 48 kilometer dari Kuala Perlis ke sini, semalam.

Abdul Malik, 28, mengambil masa 14 jam 3 minit dan 13 saat, hampir empat

jam lebih pantas berbanding jangkaan awal sekitar 18 jam, sekali gus diiktiraf dalam Malaysia Book of Records.

Catatan masanya disahkan oleh Presiden Channel Swimming & Piloting Federation, Frank Richards.

Kejayaannya mencecah daratan pulau ini di Jeti Kuah di sini, pada jam 11.48 pagi turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kira-kira 3,000 penduduk yang menunggu ketibaannya dengan penuh debar.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Abdul Malik yang ditemui selepas itu berkata, kehadiran Perdana Menteri

di Kuala Perlis dan Jeti Kuah menyuntik semangatnya untuk sampai lebih awal dari jangkaan.

Katanya, kehadiran Dr Mahathir di kedua-dua tempat itu membuatnya berjanji pada diri sendiri untuk sampai di Jeti Kuah kurang 20 jam.

"Beliau sanggup datang ke Kuala Perlis dan ke sini (Jeti Kuah). Inilah yang menyebabkan saya lebih bersemangat untuk berenang lebih pantas sebagai hadiah kepada beliau (Perdana Menteri)," katanya.

Abdul Malik berkata, beliau mampu sampai lebih awal tetapi disebabkan ombak kuat kira-kira 15 kilometer dari Jeti Kuah menyebabkan kayuhannya terpaksa diperlahankan.

Sebelum itu, percubaan Abdul Malik dalam program persiapan Cabaran Selat

Inggeris 2003 dipantau tujuh penyelam dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Beliau yang berenang dalam sangkar sedalam kira-kira dua meter, enam meter panjang dan empat meter lebar itu dipantau anggota penyelam terbabit

dari sebuah kapal MV Setia Cekal iaitu sebuah kapal pelantar untuk penyelam.

Sangkar itu bagi mengelak Abdul Malik terkena gigitan obor-obor atau hidupan laut lain. Turut terbabit ialah anggota Jabatan Hidrografi TLDM yang akan mengesahkan mengenai kesesuaian mahupun keselamatannya.

Anggota Polis Marin dan Jabatan Laut juga turut bertindak mengawasi laluan kapal dan bot di perairan itu.

Misi Abdul Malik diperhatikan tiga wakil Persekutuan Selat Inggeris bagi

mengesahkan pencapaiannya.

Selepas cabaran Selat Melaka itu, beliau akan kembali berlatih di Australia di bawah bimbingan John Van Wisse sebelum ke England untuk menghadapi cabaran sebenar merentasi Selat Inggeris.

Bagi melayakkan seseorang berenang merentasi Selat Inggeris, mereka perlu melepasi ujian berenang di laut terbuka tanpa henti selama

sekurang-kurangnya lima jam.

Abdul Malik bagaimanapun sudah melepasi ujian itu selepas menduduki tempat kelima dengan masa 11 jam 22 minit 22 saat dalam renang maraton antarabangsa Sri Chinmoy dari Rapperswill ke Zurich di Tasik Zurich sejauh 26.4 kilometer, pada 4 Ogos tahun lalu.

Pemenang pingat emas Sukan Malaysia (Sukma) 1994 itu mula berenang dari jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis pada jam 9.30 malam kelmarin, dengan dilepaskan Dr Mahathir.

Berasal dari Pulau Pinang, Abdul Malik kini dalam persediaan mencipta sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama merentasi Selat Inggeris dari Dover, England ke Calais, Perancis, Ogos depan.

Beliau bertekad mencipta sejarah merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer (18.2 batu nautika) dalam air sejuk dengan suhu antara 14 hingga 18 darjah Celsius.

Beliau akan berlepas ke United Kingdom pertengahan bulan depan dan melakukan percubaan itu pada Ogos kerana suhu air laut ketika itu antara 15 hingga 18 darjah Celsius.

Untuk berenang merentasi Selat Inggeris, Abdul Malik menjalani latihan intensif lima jam setiap hari.

Sebagai sebahagian latihannya, Abdul Malik juga berenang pergi balik antara Butterworth ke Pulau Pinang, Batu Kawan-Pulau Aman dan Pulau Besar (Johor) ke Mersing.

Mengikut rekod, dalam tempoh 120 tahun sejak 1885, hanya 470 perenang berjaya merentasi Selat Inggeris manakala lebih 6,000 perenang gagal.